

08 DEC 1998

Stuntman-Rekod

'STUNTMAN' TEMPATAN MAHU BUKTIKAN KEHANDALAN TURUN DARI MENARA KL

KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- Stuntman tempatan Saharudin Yusof sudah siap sedia untuk menjadi rakyat Malaysia yang pertama turun dari Menara Kuala Lumpur setinggi 421 metre dengan menggunakan tali.

Dalam latihan hari ini, Saharudin, 37, mengambil masa kira-kira 30 minit untuk turun dari aras kren, di menara itu, setinggi 319 metre ke bawah.

Dia ditemani oleh pembantunya Nik Khairul Fahmi Nik Boila, 23. Mereka bertugas sebagai sukarelawan dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Tiga ahli bomba dari Balai Bomba Jalan Hang Tuah Izhar Hashim, 45, Suhaimi Mamat, 21 dan Kamalzul Anuar Zulkifli, 22 turut membantu Saharudin untuk mencatatkan rekod turun dari menara tertinggi di Asia dan keempat di dunia itu.

"Saya berharap dengan sokongan dan kerjasama jabatan, impian saya itu menjadi kenyataan," kata Saharudin.

Kelima-lima mereka akan turun dari menara itu dengan menggunakan tali pukul 9 malam esok.

Sebelum turun, Saharudin akan memanjat menara itu setinggi 102 metre dari aras kren untuk mengibarkan Jalur Gemilang.

"Usaha memecahkan rekod ini dilakukan bersempena dengan anugerah 'Malaysia Book of Records' di Dewan Wawasan PGRM di Cheras, esok," kata Janice Gan dari CIS Network Sdn Bhd, syarikat yang menganjurkan acara ini.

Usaha ini akan turut disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, manakala TV2 akan menyiarkan acara bersejarah ini secara langsung selama 10 minit.

-- BERNAMA

SHS ZB